

Kritikan patut ditujukan kepada peniaga mata wang

SERDANG, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kritikan yang dilemparkan mengenai kelemahan tadbir urus korporat di Malaysia, sepatutnya ditujukan kepada peniaga mata wang yang tidak bermoral.

Perdana Menteri berkata, kelemahan itu berpunca daripada kemelesetan ekonomi yang disebabkan peniaga mata wang yang tidak bermoral, tiada tadbir urus dan tidak telus.

"Sesiapa saja yang mengharungi tempoh kemelesetan ekonomi seperti yang dilalui kita, akan mendapati kelemahan di dalam tadbir urus," katanya selepas menyampaikan sijil MS ISO 9001 kepada Fakulti Perubatan Veteriner Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, hari ini.

Dr Mahathir mengulas kritikan yang mengatakan Malaysia masih baru dalam tadbir urus selepas selesainya urus niaga United Engineers Malaysia (UEM) dan Renong Berhad, baru-baru ini.

Sentimen di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) terjejas minggu lalu apabila UEM melanjutkan tarikh akhir kepada Pengerusi Eksekutif Renong, Tan Sri Halim Saad, berhubung pembayaran opsyen beli bagi perjanjian saham beli semula.

UEM memberi Halim tempoh 15 bulan lagi untuk membeli 32.3 peratus kepentingan dalam Renong daripada UEM dengan nilai RM3.17 bilion.

Dr Mahathir berkata, jika Amerika Syarikat melalui tempoh kemelesetan yang sama, beliau yakin lebih ramai penipu akan muncul.

Apabila ditanya sama ada kritikan yang dilemparkan ke atas tadbir urus di Malaysia disebabkan terlalu banyak pendedahan atau kepentingan diberikan kepada urus niaga korporat yang membabitkan syarikat besar, Dr Mahathir berkata, itu sebahagian daripadanya.